

Pusat ICT, FKMT UPSI Unggul di iDRIVE25: Geoattendance Sambar Emas



Tanjong Malim, 11 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukir nama di persada inovasi antarabangsa apabila pasukan gabungan Pusat ICT dan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi meraih Pingat Emas serta tersenarai dalam 10 Finalis Terbaik bagi Kategori Professional/ Industry di iDRIVE25 (2nd International Development, Research and Innovation Exhibition) yang berlangsung pada 11 Ogos 2025.

Majlis perasmian telah berlangsung di Pusat Konvensyen, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh dan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad. Dengan tema "Pioneering Horizons: Bridging Fundamentals, Humanizing Technology, and Shaping the Future", iDRIVE'2025 berjaya menghimpunkan 291 penyertaan, termasuk penyertaan antarabangsa dari China dan Oman.

Dalam ucapannya, Prof. Ts. Dr. Rabiah turut menyatakan penghargaan kepada semua

peserta atas sumbangan mereka dalam memperkasa inovasi pendidikan dan industri. iDRIVE25 menjadi medan pertemuan inovator dari pelbagai sektor profesional, industri, dan akademia antarabangsa.


Menurut Ketua Pegawai Digital, Ts. Dr. Megat Azrin Ahmad, kejayaan ini membuktikan keberkesanan kerjasama erat antara Pusat ICT dan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi dalam membudayakan inovasi dalam kalangan staf dan ahli akademik.

Sementara itu, Ketua Kumpulan KIK i-RAY Pusat ICT, Ts. Abdul Mueiz Rosli berkata, penyertaan dalam siri pertandingan seperti ini adalah sebahagian daripada persediaan strategik Kumpulan KIK i-RAY Pusat ICT bagi menghadapi 50th International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2025 di Taipei, Taiwan pada bulan November nanti".

Penyertaan dalam iDRIVE25 menerusi Projek inovasi GeoAttendance ini menggabungkan pelbagai peringkat staf daripada kumpulan akademia, pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan yang terdiri daripada Ts. Dr. Megat Azrin Ahmad, Dr. Ahmad Wiraputra Selamat, Ts. Abdul Mueiz Rosli, Prabu Tharmalingam dan Khairul Ikmal Ishak. Projek inovasi GeoAttendance yang dibawa oleh pasukan ini telah membuktikan keunggulan mereka dengan meraih pingat emas keempat selepas kejayaan di International Education Innovation Competition (Eduinnovate) 2025, Virtual Innovation Competition Exhibition (VICE 2024) dan International Innovation ARSVOT Malaysia 2024 (IAM2024).



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



6 Pensyarah UPSI Sertai Penataran Kurikulum Prasekolah 2026 Zon Utara

Pulau Pinang, 15 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkuuh persediaan menghadapi Kurikulum Persekolahan 2027 dengan memastikan pengajian di universiti sentiasa seiring dengan perkembangan semasa di sekolah.

Selaras dengan peranan UPSI sebagai institusi yang melahirkan majoriti graduan bergelar guru, enam orang pensyarahnya, iaitu Dr. Zuraini Jamil @ Osman dari Pusat Pembangunan Akademik bersama Dr. Seah Siok Peh (Ketua Jabatan), Dr. Anis Norma Mohamad Jaafar, Puan Fairuz 'Ain binti Harun, Dr. Norly Jamil dan Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi dari Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, telah menyertai Bengkel Kerja Penataran Kurikulum Prasekolah 2026 kepada Jurulatih Utama (Zon Utara) anjuran

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berlangsung dari 11 hingga 14 Ogos 2025 di Berjaya Penang Hotel, Pulau Pinang.

Penataran ini merupakan sebahagian siri program peringkat kebangsaan yang dimulakan di Sarawak pada 14 hingga 17 Julai diikuti Zon Selatan pada 21 hingga 24 Julai 2025, Zon Tengah pada 28 hingga 31 Julai dan Zon Timur pada 4 hingga 7 Ogos 2025, sebelum diteruskan ke Zon Utara yang dapat juga disertai pensyarah-pensyarah UPSI.

Penyertaan ini juga adalah lanjutan daripada taklimat mengenai Kurikulum Persekolahan 2027 yang telah disampaikan oleh Pengarah BPK, Puan Hajah Nooraini Kamaruddin, kepada warga akademik UPSI pada 24 Julai 2025.

UPSI, JPN Johor Jalin Kerjasama Perkukuh Pendidikan Khas

Johor Bahru, 11 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Kajian Inklusif bagi Komuniti dan Orang Kurang Upaya (CIRCLE) Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor bagi memperkuuh ekosistem pendidikan khas, inklusif dan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) di negeri ini.

Program selama dua hari itu merangkumi sesi libat urus, pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) serta lawatan ke sekolah-sekolah terpilih yang mengendalikan pengoperasian dua sesi bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Pada hari pertama, sesi libat urus secara hibrid melibatkan CIRCLE,

JPN Johor dan semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Johor membincangkan perkongsian kepakaran dalam meningkatkan profesionalisme akademik serta membangunkan persekitaran pendidikan khas berkualiti.

Majlis turut menyaksikan pemeteraian Surat Hasrat antara JPN Johor dan FPM UPSI melalui CIRCLE sebagai komitmen memperkuuh jaringan kolaborasi strategik dalam bidang berkenaan.

Hari kedua menyaksikan delegasi UPSI, JPN Johor dan PPD Pasir Gudang melawat tiga buah sekolah iaitu SMK Kota Masai, SK Kopok dan Sekolah Agama Pendidikan Khas Johor Bahru bagi meninjau pelaksanaan model kelas dua sesi PPKI.



Penyelidik UPSI Cipta HiPOP: Inovasi Pembelajaran Hibrid yang Inklusif dan Interaktif

HiPOP (Hybrid Pop-Up Card) merupakan satu inovasi pendidikan yang menggabungkan kad pop-up fizikal dengan teknologi digital seperti Realiti Terimbuh (AR), Realiti Maya (VR) dan persekitaran 360 darjah. Inovasi ini dibangunkan khusus untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran murid sekolah rendah terutamanya dalam subjek Sains. HiPOP direka untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, menarik dan mudah difahami terutamanya apabila melibatkan konsep abstrak dan kompleks.

Keistimewaan HiPOP terletak pada keupayaannya menyokong pelbagai gaya pembelajaran seperti visual, auditori, kinestetik dan sensori. Ini menjadikan HiPOP sesuai untuk murid yang datang daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai keupayaan berbeza. Penekanan kepada pembelajaran berasaskan pelbagai deria, HiPOP membantu membina suasana pembelajaran yang lebih inklusif dan efektif sejarah dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 dan dasar pendidikan digital Malaysia.

Pelaksanaan HiPOP di sekolah-sekolah rendah menunjukkan impak positif terhadap motivasi, tumpuan dan pemahaman murid. Guru turut menerima manfaat melalui bahan bantu mengajar yang kreatif, selaras dengan kurikulum dan mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian pengajaran. Keberkesanan ini telah membawa kepada pengiktirafan di peringkat kebangsaan seperti Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang serta dua Pingat Emas dalam pertandingan Edu@Innovate 2025 dan ITEX 2025.

HiPOP juga mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan di pasaran teknologi pendidikan (EdTech), bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Asia Tenggara. Produk ini boleh dipasarkan kepada sekolah, penerbit pendidikan serta agensi kerajaan sebagai alat bantu pembelajaran tambahan. Selain subjek Sains, HiPOP juga boleh dikembangkan untuk topik-topik lain dalam kurikulum KSSR dan KSSM. Melalui integrasi digital yang kukuh, HiPOP sesuai untuk kerjasama pelesenan dan eksport.

Fasa pembangunan seterusnya memberi fokus kepada penyesuaian HiPOP untuk pelajar berkeperluan khas seperti murid autistik dan mereka yang mengalami gangguan sensori. Menggunakan prinsip Reka Bentuk Sejagat untuk Pembelajaran (UDL), HiPOP akan dipertingkatkan dengan elemen multi-sensori dan interaksi yang lebih mudah diakses selaras dengan agenda pendidikan inklusif negara.

Secara keseluruhannya, HiPOP membuktikan bahawa inovasi pendidikan yang kreatif, interaktif dan inklusif mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan menyokong transformasi pendidikan negara.

Nama Penyelidik:

- Dr. Muhammad Bayu Tejo Sampurno - FMSP (Ketua)
- Dr. Abdul Rahman Safian - FMSP
- Dr. Herry Rizal Djahwasi - FMSP
- Professor Zaharul Lailiddin Saidon - FMSP
- Assoc. Prof. Muhammad Fazli Taib Saearani - FMSP
- Dr. Salman Alfarisi - FMSP
- Tri Cahyo Kusumandyoko (Unesa)



Kolokium Inovasi Didik Sabak Bernam (KID-SB) Peringkat Negeri Tahun 2025



MAIWP & NCDRC UPSI Perkukuh Kerjasama Pendidikan Awal Kanak-kanak



Mahasiswa UNNES Giat Antarabangsa 2025 Ikuti Program 'Kelulut to Community' di UPSI



NCDRCast Episod 1: "Saya Anak Malaysia" Mantapkan Semangat Patriotik